

Bantuan RM400 kepada kakitangan kerajaan 21

Oleh **AZMAN BAKAR**

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan keputusan kerajaan memberi bantuan sebanyak RM400 seorang kepada semua kakitangan kerajaan sebagai ganti bonus.

Dengan pengumuman itu lebih 800,000 kakitangan kerajaan pelbagai peringkat, kecuali mereka yang dikategorikan dalam Jawat-

an Utama Sektor Awam (JUSA), akan mendapat manfaat daripada bantuan tersebut.

Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan lebih RM300 juta bagi membiaya kos bantuan itu.

“Kerajaan tidak mampu untuk memberi bonus pada tahun ini dan bantuan RM400 setiap orang itu merupakan ganti bagi meringankan masalah perbelanjaan sekolah anak-anak mereka.

“Saya sedar akan ada yang tidak berpuas hati dengan tawaran ini,

tetapi ini sahajalah yang kerajaan mampu beri.” kata Dr. Mahathir ketika merasmikan Persidangan Perwakilan CUEPACS Ke-21 di sini hari ini.

Persekolahan

Perdana Menteri berharap semua kakitangan yang layak menerima bantuan tersebut akan menggunakannya untuk tujuan persekolahan anak-anak.

Katanya, walaupun ekonomi masih gawat dan kewangan kera-

jaan begitu berkurangan sehingga negara akan mengalami defisit sebanyak RM16 bilion pada 1999 tetapi kerajaan sedar masalah yang dihadapi oleh kakitangannya.

Sebelum ini CUEPACS dan beberapa pertubuhan meminta kerajaan memberi insentif kepada kakitangan awam memandangkan kerajaan tidak dapat membayar bonus pada tahun ini ekoran kegawatan ekonomi.

Kali pertama kerajaan memba-

yar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400, diikuti dengan sebulan gaji atau minimum RM600 pada 1994 dan 1995.

Pada 1996, bonus yang diberikan ialah sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah manakala tahun lepas sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 yang dibayar dalam dua ansuran.